



PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
*Office of Director General of Health Malaysia, Ministry Of Health Malaysia*

ARAS 12, BLOK E 7, PARCEL E  
KOMPLEKS KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88833888

Fax : 03-88831155

---

RUJ. TUAN :  
RUJ. KAMI : KKM87/P1/1/1/3(22)  
TARIKH : 3 JULAI 2008

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,  
Pengarah Hospital Kuala Lumpur,

Y Bhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 6 / 2008**

**GARISPANDUAN PENGURUSAN PESAKIT KANAK-KANAK YANG MENDERITA PENYAKIT JANTUNG KONGENITAL UNTUK MENJALANI RAWATAN PEMBEDAHAN DI HOSPITAL NARAYANA HRUDAYALAYA (NH), BANGALORE, INDIA.**

---

**1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pelaksanaan pengurusan pesakit kanak-kanak yang menderita penyakit jantung kongenital untuk menjalani rawatan pembedahan di Hospital Narayana Hrudayalaya, Bangalore, India.

**2. LATAR BELAKANG**

Penyakit Jantung Kongenital di kalangan kanak-kanak di Malaysia menurut statistik adalah antara 8 hingga 10 daripada setiap 1,000 kelahiran hidup. Dengan kadar kelahiran semasa ini iaitu 500,000 setahun, bilangan kanak-kanak dengan masalah ini adalah lebih kurang 5,000 orang setahun di mana dua pertiga darinya akan memerlukan rawatan pembedahan.

Di Malaysia, kes-kes pembedahan jantung pediatrik yang kompleks hanya dapat dijalankan di Institut Jantung Negara (IJN) dan di beberapa buah hospital swasta yang lain. Ini menyebabkan masa menunggu yang lama bagi para pesakit untuk dapat menjalani rawatan pembedahan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya kerajaan membiayai kos rawatan pembedahan jantung di Hospital Narayana Hrudayalaya, Bangalore, India bagi pesakit jantung kongenital kanak-kanak yang tidak berkemampuan. Untuk tujuan ini sejumlah RM 2 juta di peruntukkan dari Tabung Bantuan Perubatan.

### **3. KAEADAH PERLAKSANAAN**

#### **3.1 KRITERIA PEMILIHAN PESAKIT UNTUK PEMBEDAHAN**

Penentuan dan pemilihan pesakit adalah bergantung kepada keputusan dan cadangan yang dikemukakan oleh Pakar Jantung Pediatrik KKM.

- 3.1.1 Semua pesakit-pesakit jantung kongenital kanak-kanak yang memerlukan rawatan pembedahan perlulah dirujuk kepada pakar pediatrik kardiologi Kementerian Kesihatan Malaysia untuk penilaian dan pemeriksaan lanjut. Bagi kes-kes yang memenuhi kriteria pembedahan jantung, perlulah dirujuk kepada pegawai kerja sosial perubatan untuk penilaian taraf sosio ekonomi mereka.
- 3.1.2 Contoh-contoh kes yang tergolong dalam kategori kronik dan stabil adalah di Lampiran 1 dalam Garispanduan.

#### **3.2 KRITERIA PEMILIHAN PESAKIT UNTUK PEMBIAYAAN DANA TABUNG BANTUAN PERUBATAN**

Bagi kes-kes yang memenuhi kriteria penilaian pesakit dan layak dari segi taraf sosio ekonomi, perlu dirujuk kepada Sekretariat Tabung Bantuan Perubatan. Bagi pesakit yang memerlukan rawatan pembedahan, penilaian taraf sosio ekonomi perlu dilakukan oleh pegawai kerja sosial perubatan hospital masing-masing. Dan bagi permohonan yang memenuhi kriteria bantuan Tabung Bantuan Perubatan, mereka perlu dirujuk ke sekretariat Tabung Bantuan Perubatan di Bahagian Kewangan. Prosedur oleh Tabung Bantuan Perubatan adalah sebagaimana untuk mana-mana kes lain yang perlukan bantuan dana Tabung Bantuan Perubatan.

#### **4. PELAKSANAAN**

Pesakit pediatrik dengan masalah jantung kongenital yang telah memenuhi kriteria pemilihan oleh pakar pediatrik kardiologi dan telah diluluskan untuk pembiayaan dana Tabung Bantuan Perubatan akan dirujukkan ke Klinik Medi Assist4U bagi tujuan penyelarasan dengan Hospital Narayana Hrudayalaya dan jika didapati sesuai untuk dibedah di Hospital Narayana Hrudayalaya barulah akan dikendalikan urusan penghantaran pesakit oleh Klinik Medi Assist4U. Perincian pelaksanaan terdapat dalam garis panduan.

Perjanjian berkenaan penghantaran pesakit ke Hospital Narayana Hrudayalaya telah diadakan antara Kementerian Kesihatan Malaysia, Klinik Medi Assist4U dan Hospital Narayana Hrudayala bagi membolehkan urusan penghantaran pesakit dan perawatan pesakit dapat berjalan lancar dan kebajikan pesakit terjamin.

#### **5. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB**

Pengarah Kesihatan Negeri dipertanggungjawabkan memantau perlaksanaan garispanduan ini.

- 5.1** Pengarah Kesihatan Negeri akan menyelaras perlaksanaan rujukan pesakit daripada mana-mana hospital di bawah bidang kuasa pihak negeri terlibat kepada pakar kardiologi pediatrik sebagaimana sistem rujukan sedia ada bagi tujuan menjalani rawatan di Hospital Narayana Hrudayalaya mengikut garispanduan yang telah disediakan.
- 5.2** Pakar-pakar pediatrik kardiologi bertanggungjawab untuk mengenalpasti pesakit-pesakit jantung kongenital kanak-kanak yang memenuhi kriteria untuk rawatan pembedahan jantung di Hospital Narayana Hrudayalaya.
- 5.3** Pegawai kerja sosial perubatan bertanggung jawab menjalankan penilaian sosio ekonomi ke atas pesakit dalam kadar segera agar urusan penghantaran pesakit dapat berjalan lancar. Segala implikasi sumber perlu dikenalpasti agar memudahkan perancangan penghantaran pesakit.
- 5.4** Pakar pediatrik kardiologi perlu memantau keberkesanan perlaksanaan program ini, dan mengumpulkan maklumat/statistik mengenai rawatan pembedahan di Hospital Narayana Hrudayalaya ini. Lapuran berkala perlu dikemukakan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan bagi tujuan pemantauan.

## **6. TARIKH BERKUATKUASA**

Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikemukakan.

## **7. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada;

Pengarah

Bahagian Perkembangan Perubatan

Aras 7, Blok E 1, Parcel E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-88831047

No. Fax : 03- 88831427

Sekian, terima kasih.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,

## **TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

- s.k. - Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia  
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)  
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

